

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
sempena  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**TARIKH**  
**ISNIN, 3 SEPTEMBER 2007**

**TEMPAT**  
**ASTAKA, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

**MASA**  
**8.00 PAGI**

**TEKS UCAPAN**  
**YANG HORMAT PROF. DATO' DR. MOHAMED SAID BIN MAT LELA**  
**NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
sempena  
**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**  
pada HARI KHAMIS, 3 SEPTEMBER 2007 pukul 8.00 PAGI di ASTAKA,  
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

---

**“PATRIOTISME DAN SEMANGAT KERJA”**

---

**1. SALUTASI**

Yang berusaha saudara pengacara majlis;

Yang Berbahagia Prof. Dr. Badhrulhisham bin Abdul Aziz,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sabarudin bin Mohd.,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa);

Yang Berbahagia Pegawai-pegawai Kanan  
dan ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Profesor-profesor, pegawai-pegawai dan para kakitangan;

Tuan-tuan dan puan-puan;

Hadirin dan hadirat sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

## 2. KATA PEMBUKA

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dan dirafakkan ke hadrat Allah Subnahuwa Taala, Tuhan seru sekalian alam dan selawat dan salam ke atas junjungan agung Nabi Muhammad Sallala hu alahi wasallam kerana kita berpeluang untuk berjumpa dan bertemu pada pagi 3 September 2007 yang permai ini sempena Perhimpunan Bulanan Universiti Malaysia Pahang hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-50 yang kita rayakan baru-baru ini, marilah tuan-tuan dan puan-puan sekalian berdiri bersama-sama saya untuk melaungkan kalimah keramat MERDEKA.

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

MERDEKA!

Terima kasih. Semoga laungan merdeka yang penuh tekad dan semangat itu mencetuskan azam baru yang tinggi menjulang dalam minda dan jiwa tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebagai generasi penerus kemerdekaan untuk terus

menggembeleng tenaga memajukan Universiti Malaysia Pahang seiring dengan wawasan dan cita-cita negara.

### **3. MENGENANG PENGORBANAN PARA PATRIOT**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan kehangatan sambutan jubli emas kemerdekaan negara yang masih terasa, maka ucapan saya pada pagi ini akan menyentuh tentang persoalan patriotisme dan hubungannya dengan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam yang diamanahkan untuk berkhidmat di universiti ini.

Patriotisme secara mudah dan ringkasnya dapatlah diertikan sebagai perasaan cinta dan kepunyaan yang mendalam terhadap negara dan bangsa. Seorang patriot sanggup berkorban apa sahaja termasuklah harta, hatta darah dan jiwa sekalipun demi memastikan kedaulatan dan maruahnya sentiasa terpelihara dan terjaga.

Penghayatan semangat inilah yang telah melahirkan ramai patriot dan negarawan, dan dalam konteks negara kita yang tercinta ini, nama-nama besar seperti Allahyarham Dato' Dol Said di Naning; Allahyarham Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau di Pahang; Allahyarham Rosli Dhobi dan Mendiang Rentap di Sarawak; serta Dato' Onn, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Ahmad Boestamam, Pak Sako dan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan lain-

lain akan terus dikenang sebagai patriot terbilang yang telah berjuang dengan darah, keringat dan air mata untuk mencipta kemerdekaan nan gemilang.

Darah, keringat dan air mata yang telah dicurahkan oleh para patriot inilah yang menjadi baja yang menyuburkan jiwa dan menyemarakkan anak bangsa dan atas perjuangan inilah maka kita dapat hidup dengan damai dan harmoni dan pada hari ini dapat pula berdiri di sini dengan megah dan bangga sebagai penjawat awam yang berkewajipan untuk melaksanakan agenda pengisian kemerdekaan.

Di sebalik cita-cita murni, akan ada ranjau duri yang merintangi. Justeru pada pagi ini saya akan menggariskan tiga ancaman utama patut kita sama-sama awasi dan waspadai kerana tiga anacaman ini mengakibatkan patriotisme hilang maknanya.

#### **4. ANCAMAN PERTAMA TERHADAP PATRIOTISME: PERBUATAN SABOTAJ**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sepertimana sulit, sukar dan getirnya cabaran dan dugaan yang dihadapi oleh Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama memimpin negara ini pada tahun-tahun awal kemerdekaannya, keadaan yang sama dapat saya umpamakan dengan pelbagai

cabaran yang saya hadapi dalam memimpin universiti kita ini yang baru berusia lima tahun.

Ancaman utama yang menggugat kestabilan negara ini pada tahun-tahun awal kemerdekaan ialah pemberontakan yang dibangkitkan oleh Parti Komunis Malaya sehingga negara ini terpaksa diletakkan dalam keadaan darurat mulai tahun 1948. Penganas-penganas komunis telah cuba untuk menghancurkan negara ini melalui kegiatan-kegiatan sabotaj dan subversif, menyerang dan membunuh anggota-anggota pasukan keselamatan dan pegawai-pegawai kerajaan dan lain-lain. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian tentu sekali masih mengingati tragedi serangan penganas komunis ke atas Balai Polis Bukit Kepong di Muar, Johor yang mengakibatkan kematian 18 anggota polis dan ahli keluarga mereka. Namun begitu, dengan keazaman yang jitu dan kecekalan yang padu oleh warganegara yang patriotik, maka akhirnya pemberontakan tersebut telah dapat ditangani dan pada 31 Julai 1960, keadaan darurat telah diisytiharkan tamat dengan rasminya.

Nah, marilah kita terjemahkan suasana tersebut kepada situasi semasa di universiti kita. 5 tahun merupakan suatu usia yang amat muda, dan dalam jangka masa tersebut, universiti ini melalui liku dan ranjau berduri dan turut menerima tempias akibat perbuatan segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab. Sama ada kita sedar atau tidak, anasir-anasir negatif seperti menulis dan mengedarkan surat layang, menabur fitnah, mengadu domba dan

menghasut telah sedikit sebanyak menggugat kestabilan universiti ini. Saya merasa amat dukacita kerana perbuatan-perbuatan berbentuk khianat seperti ini boleh berlaku dalam sebuah universiti, menara gading yang sepatutnya mengungguli agenda meninggi dan memartabatkan ilmu pengetahuan, keluhuran budi dan ketinggian intelektualisme. Sepertimana penganas komunis yang pernah mensabotaj pentadbiran kerajaan dengan pelbagai aktiviti subversif, demikian jualah yang dilakukan oleh segelintir manusia yang tidak bertanggungjawab di universiti ini, menulis surat-surat layang yang penuh dengan fitnah dan kata-kata yang kotor dan cemar, dan yang paling menyedihkan dan mengecewakan saya, sanggup pula memperalatkan pelajar termasuklah mendedahkan perkara-perkara yang terperingkat sebagai sulit dan rahsia kepada pelajar. Kenapakah perkara seumpama ini boleh terjadi? Inilah gambaran sebenar mereka yang mempunyai nawaitu atau niat yang salah dalam bekerja. Islam, agama kita yang luhur dan suci menganjurkan supaya kita semua menganggap pekerjaan sebagai ibadah dan segala amalan dan perbuatan yang dilakukan hanyalah semata-mata untuk Allah Taala. Namun, kumpulan manusia yang tidak bertanggungjawab ini lebih mengutamakan kepentingan diri dan puak mereka, mereka takut dengan bayang-bayang sendiri dan risau populariti mereka akan hilang. Lupakah kita kepada pesanan Allah Taala dalam al-Quranul Karim, Surah an-Nisa', ayat 59 yang bermaksud:-

“Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kepada Allah, dan taatlah kepada Rasul, dan kepada orang-orang yang berkuasa di

kalangan kamu; sekiranya kamu berbantah-bantah pada suatu perkara, maka rujuklah kepada Allah dan Rasul, jika kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat.”

Dan ‘Awf bin Malik al-Asja’i meriwayatkan bahawa:-

“Aku mendengar Rasulullah Sallallahu alaihi wasallam bersabda: Sebaik-baik pemimpin kamu ialah kamu kasihinya mereka dan mereka kasihinya kamu, kamu mendoakan mereka dan mereka mendoakan kamu. Seburuk-buruk pemimpin ialah pemimpin yang kamu benci dan mereka bencikan kamu, kamu melaknat mereka dan mereka melaknat kamu. Kami berkata: Wahai Rasulullah, bolehkah kami memerangi mereka? Baginda menjawab: Jangan, selagi mereka bersembahyang bersama kamu kecuali orang yang diperintah oleh seorang pemimpin yang melakukan maksiat maka hendaklah dia membenci maksiat yang dilakukannya itu dan janganlah kamu mencabut ketaatan.”

Maka jelaslah ketaatan kepada ketua ini merupakan suatu kewajipan dalam agama kita dan Allah Taala telah memerintahkan dalam firmanNya dalam ayat 59 Surah an-Nisa’ yang saya bacakan tadi bahawa sebarang perselisihan hendaklah dirujuk kepada petunjuk Ilahi dan Rasul-Nya. Budaya perundingan dan syura hendaklah menjadi amalan kita, dan itulah yang sentiasa saya



galakkan di universiti ini, namun di sebalik ruang dan peluang yang telah tersedia ini, masih ada yang bersikap skeptik dan enggan bersemuka untuk berbincang bagi menyelesaikan masalah dan kekusutan, sebaliknya lebih selesa dan rasa tidak berdosa menulis dan mengedarkan surat-surat layang, e-mel dan blog. Perbuatan ini tidak membawa kita ke mana-mana, sebaliknya mengusut dan mengeruhkan lagi suasana.

##### **5. ANCAMAN KEDUA TERHADAP PATRIOTISME: TERHAKISNYA INTEGRITI DAN AKAUNTIBILITI**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya tertarik dengan iklan yang diterbitkan oleh DRB-HICOM sempena meraikan 50 tahun kemerdekaan. Si anak dalam iklan tersebut bertanya kepada bapanya, seorang pemandu: “Bagaimana untuk jadi drebar yang baik?” Si bapa menjawab: “Sekerat kerja kuat.” Si anak bertanya pula: “Yang sekerat lagi apa dia?” Si bapa menjawab: “Yang sekerat lagi amanah.”

Amanah berkait rapat dengan dua perkara penting iaitu integriti dan akauntibiliti. Apakah maknanya jika kita melaung-laungkan dan menunjuk-nunjuk bahawa kononnya kita cinta dan kasih terhadap negara dan organisasi kita tetapi dalam sembunyi tangan bergelumang dengan penyelewengan, rasuah dan salah guna kuasa? Semasa era pentadbirannya sebagai Perdana Menteri, Allahyarham Tun

Hussein Onn telah mengambil langkah pro-aktif untuk membendung rasuah dan penyelewengan dalam kerajaan, termasuklah oleh anggota-anggota pentadbiran yang kanan. Saya percaya, tindakan ini diambil oleh Allahyarham Tun Hussein Onn ini semata-mata dilakukan atas kesedaran bahawa kestabilan negara boleh tergugat dengan terhakisnya integriti dan akauntibiliti di kalangan pemimpin dan pentadbirnya. Sikap yang diambil oleh Allahyarham Tun Hussein Onn ini wajar dipuji kerana keberaniannya bertindak tanpa takut dan memilih atau *without fear or favour*. Inilah kualiti seorang pemimpin yang perlu diteladani oleh kita selaku penjawat awam di universiti ini; tidak perlu takut untuk bertindak terhadap golongan musang berbulu ayam yang rakus menggunakan kuasa dan kedudukan untuk mengaut keuntungan walaupun tindakan pencegahan tersebut mungkin menyebabkan seseorang ketua itu tidak popular.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bagaimana pula dengan kita di universiti ini? Berapa ramai di kalangan kita yang berani tampil ke depan untuk bersama-sama dengan saya dan pengurusan universiti untuk membersihkan kampus kita daripada seorang dua manusia korup yang mungkin bijak berselindung di sebalik manis wajah, sikap *innocent* dan lagak mudah membantu staf dan pelajar? Golongan korup ini mungkin seorang staf sokongan biasa atau mungkin seorang pegawai atau sesiapa sahaja.

Peribahasa Melayu yang biasa kita dengar menyebut: “Sepandai-pandai tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah jua.”

Saya percaya bahawa penguatkuasaan undang-undang adalah mekanisme utama yang dapat digunakan bagi menangani golongan ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan bahawa perbuatan-perbuatan curang dan korup digempur sehabis-habisnya supaya ia tidak berjangkit dan melarat pula kakitangan yang lain. Saya tahu bahawa ada di kalangan kita yang cuba bermain silap mata; tanpa disedari melakukan perbuatan dan tindakan yang mencurigakan. Atas asas itu dan berdasarkan aduan serta laporan sah yang diterima, maka Unit Audit Dalam akan digerakkan bagi mengesan sebarang tindakan yang dilakukan dengan tidak menurut prosedur atau menyeleweng dari tatacara sebenar. Jika terbukti wujud salah laku ini, tindakan tatatertib atau undang-undang boleh dipertimbangkan menurut peruntukan undang-undang sedia ada iaitu Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Pencegahan Rasuah 1997.

Justeru, saya menyeru agar kita semua menginsafi bahawa beban tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita di sini amatlah besar dan tidaklah boleh dipermainkan. Sekiranya kepentingan diri sendiri mendahului kepentingan organisasi, maka tiadalah integriti dan akauntibiliti tinggal ilusi.

Dalam firmannya dalam al-Qur'an, Surah al-Mukminun, ayat 8, Allah Taala menyatakan bahawa salah satu ciri atau kualiti orang yang berjaya ialah orang yang menjaga amanah dan janji. Manakala Rasulullah sallallahu alaihi wasallam pula dalam sebuah hadith baginda berkenaan golongan munafik atau *hypocrites* bersabda:-

“Tanda orang munafik itu tiga: apabila dia berkata-kata, dia berdusta; apabila dia diberi amanah, dia khianat; dan apabila dia berjanji, dia mungkir.”

Komitmen dan janji kita semua untuk menjunjung amanah sebagai penjawat awam di universiti terkandung dalam dokumen surat aku janji yang telah kita tandatangani. Jujurlah kita kerana persoalan amanah ini akan dibangkitkan semula semasa hari mahsyar nanti.

#### **6. ANCAMAN KETIGA TERHADAP PATRIOTISME: SIKAP TIDAK PRIHATIN DAN AMBIL MUDAH**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Ancaman seterusnya yang boleh membinasakan ialah sikap tidak prihatin dan ambil mudah terhadap sesuatu perkara. Apalah erti kemerdekaan yang kita nikmati ini jika agenda pengisiannya dipandang sepi dan diambil mudah oleh kita

selaku generasi penerus dan pewaris. Selaku penjawat awam di universiti ini, kita bertanggungjawab untuk memastikan bahawa segala dasar dan perancangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dikoordinasi dan dilaksanakan dengan sesempurna mungkin. Meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan dan memantapkan governan merupakan antara agenda penting Rancangan Malaysia Kesembilan dan perancangan strategik Universiti Malaysia Pahang yang PERLU ditekuni dan diberi perhatian yang serius oleh kita semua.

Barangkali atas kekesalannya dengan sikap bangsanya yang tidak pernah berubah, *complacent* dan suka bergantung serta mencari salah orang lainlah, maka Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri meluahkan kata-kata “Melayu mudah lupa” dalam sebuah puisi yang pernah dideklamasikannya.

Justeru, dalam konteks perkhidmatan kita di universiti ini, adakah kita telah memberi perhatian yang serius terhadap tugas, kewajipan dan tanggungjawab kita? Sebagai penjawat awam, perasaan sensitif terhadap perkembangan semasa di sekeliling kita adalah amat penting. Dalam konteks universiti kita, hubungan yang harmoni dan mesra perlulah dikekalkan dengan para *stakeholders* kita. *Stakeholders* ini termasuklah Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri dan industri. Namun begitu, komitmen kita dalam mengekalkan keharmonian dan kemesraan hubungan ini perlulah didasarkan kepada tatacara dan prosedur yang betul. Saya mendapati dalam beberapa perkara penting kerap kali berlaku *miscommunication* antara

sesetengah pusat tanggungjawab di universiti ini dan hal ini sesungguhnya mendukacitakan saya. Impak dari *miscommunication* ini tentu sekali amat merugikan, dan yang paling saya kuarir, ia boleh menjejaskan imej nama baik universiti kita di mata para *stakeholders*. Situasi ini menggambarkan kelemahan sistem penyampaian perkhidmatan di universiti kita dan merupakan suatu fenomena yang tidak sihat. Justeru karenah *miscommunication* ini perlulah segera diperbaiki dan diperbetulkan. Maklumat dan arahan tidak wajar dikeluarkan dalam bentuk lisan atau *verbal* sahaja. Secara profesionalnya, maklumat dan arahan mestilah dibuat dalam bentuk bertulis, sekurang-kurangnya dalam bentuk minit atau memo ringkas supaya setiap orang tahu yang perlu dilakukan. Penyampaian maklumat dan arahan secara lisan semata-mata menyebabkan berlakunya sikap tunding-menunding jari dan *escapism* bila mana berlakunya *miscommunication* dan akibatnya, universiti kita rugi. Kepentingan menulis sesuatu perkara yang penting seperti hutang-piutang, keputusan dan seumpamanya adalah dituntut dalam Islam untuk mengelakkan kekeliruan atau pertikaian di kemudian hari. Allah Taala berfirman dalam al-Qur'an, Surah al-Baqarah, ayat 282 yang bermaksud:-

“Wahai orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan hutang-piutang secara tidak tunai yang diberi tempoh sehingga ke sesuatu masa yang tertentu, maka hendaklah kamu mencatat (hutang dan masa bayarannya itu); dan hendaklah seorang penulis antara kamu menulisnya dengan adil (benar); dan

janganlah seseorang penulis enggan menulisnya sebagaimana Allah telah mengajarkannya.”

Demikianlah Allah Taala menekankan peri pentingnya membuat catatan bertulis terhadap sesuatu perkara sebagai suatu prinsip pengurusan untuk diikuti dan diamalkan oleh kita semua.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya amat kluatir jika sikap tidak prihatin dan ambil mudah itu dijadikan kelaziman yang akhirnya menjadi budaya dan amalan yang sukar dikikis. Sikap tidak prihatin dan ambil mudah ini dapat dilihat dengan jelas di bilik-bilik kuliah di mana saya sendiri melihat pelajar-pelajar sewenang-wenangnya dibiarkan memasuki kelas walaupun kadangkala pelajar tersebut berambut panjang, berpakaian selekeh dan tidak sesuai. Saya percaya dan yakin jika para pensyarah memainkan peranan membuat teguran dan bersikap tegas seperti tidak mengizinkan pelajar terbabit daripada memasuki bilik kuliah, hal ini akan menjadi peringatan yang berguna kepada pelajar-pelajar lain untuk tidak mengulanginya pada masa-masa yang akan datang. Kuasa ini terkandung dalam Perintah-perintah berkenaan tatacara berpakaian, rupa diri dan pergaulan pelajar-pelajar yang telah digubal sejak tahun 2005 lagi. Tetapi, selagi mana pihak yang diberi kuasa, seperti pensyarah, pengetua, felo, kakitangan Kompleks Kediaman dan pengawal keselamatan tidak berperanan dengan tegas dan pro-

aktif, masalah tatacara berpakaian dan disiplin pelajar akan terus menjadi medan tunding-menunding jari yang tidak berkesudahan.

## **7. KESIMPULAN DAN KATA PENUTUP**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya berharap, perkara-perkara yang telah disebutkan sebentar tadi akan menjadi peringatan dan renungan kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk dijadikan panduan dalam menjalankan tugas yang telah diamanahkan kepada kita.

Bersempena sambutan ulang tahun jubli emas yang sedang kita rayakan, marilah kita sama-sama mengorak langkah, seia dan sekata, sehati dan sejiwa, senada dan seirama dalam misi kita untuk merealisasikan agenda pembangunan pendidikan dan wawasan negara. Pelan Induk Pembangunan Pengajian Tinggi yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 27 Ogos 2007 yang lalu merupakan cabaran dan tanggungjawab terkini yang perlu sama-sama kita tunaikan dengan penuh komitmen dan dedikasi. Justeru perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian yang serius:-



- (a) Jauhi perbuatan permusuhan dan fitnah-memfitnah;
- (b) Utamakan perundingan dan musyawarah serta tidak berdebat atas perkara-perkara yang tidak perlu;
- (c) Bersikap sensitif dan prihatin terhadap perkembangan dan isu semasa;
- (d) Mementingkan kualiti dan meningkatkan produktiviti;
- (e) Bersemuka, bukan bercakap di belakang;
- (f) Jangan keliru antara amalan yang dilazimkan dan prosedur sebenar;
- (g) Ketepikan kepentingan peribadi, junjung integriti dan akauntibiliti;
- (h) Hindarkan budaya 'ini bukan kerja aku, ini kerja' dia, kerana universiti adalah universiti kita bersama;
- (i) Hindarkan budaya gila populariti; dan
- (j) Niatkan kerja dan tugas sebagai ibadah kerana Allah.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah,

Assalamualaikum warah matullahi wabarakatuh.

Terima kasih.